



## **INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Dengan ini mempelawa warga UiTM yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **Ketua, Unit Kualiti** di Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS), Universiti Teknologi MARA Shah Alam.

### **i. MAKLUMAT PERKHIDMATAN**

Bil.	Jawatan	Tempoh Lantikan	Elaun	Kampus
1.	Ketua Unit Kualiti	2 tahun  *Pelanjutan berdasarkan penilaian prestasi dan syarat-syarat pelantikan Pentadbir Akademik	Ya	UiTM Shah Alam

### **ii. SYARAT-SYARAT PELANTIKAN**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a) Terbuka kepada pensyarah UiTM Gred 52 (Pensyarah Kanan) dan ke atas;
- b) Berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
- c) Telah disahkan ke dalam perkhidmatan;
- d) Tidak memegang mana-mana jawatan pentadbiran;
- e) Keutamaan kepada calon berpengalaman dalam pengurusan kualiti dan akademik.

### **iii. SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB**

1. Merangka, merancang dan menyelaras hala tuju pelan strategik pengurusan kualiti dan risiko serta memastikan iCEPS mematuhi dasar dan KPI yang ditetapkan.
2. Mengurus, menyelaras dan mengumpul data KPI/PI dan SAP iCEPS secara berkala dan mengemaskini data di dalam sistem UISMS dan UEPMO.
3. Menguruskan hal-hal berkaitan pelaksanaan Audit Dalam, Audit Kualiti Akademik KKB, Audit Permohonan Baharu KKB, Audit Permohonan Program Baharu KKB, Audit Peperiksaan dan lain-lain.
4. Mengawalselia Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dengan memantau, memberi cadangan, mengenalpasti ruang dan peluang penambahbaikan secara berterusan dalam aspek pelaksanaan SPK, termasuk dokumentasi kualiti iCEPS.
5. Mengumpul, menyemak dan menyelia daftar risiko di peringkat PTJ untuk dibawa ke Unit Pengurusan Risiko dan Majlis Pengurusan Risiko Strategik Universiti (MPRSU).
6. Menyelaras data-data berkaitan KPI/PI dan projek SAP iCEPS yang dipetakan kepada Pelan Strategik UiTM mengikut keperluan Jabatan Transformasi Universiti.
7. Menyedia pelaporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan lain-lain tugas dari semasa ke semasa.

**iv. KRITERIA UTAMA**

1. Memiliki kualiti kepimpinan, berfikiran strategik, kreatif serta mampu menerapkan amalan komunikasi moden yang berkesan.
2. Mengamalkan budaya kerja korporat selaras dengan iCEPS sebagai sebuah SBU.
3. Mempunyai pandangan global, berkemampuan untuk berfikiran jauh ke arah kecemerlangan organisasi.
4. Mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tatatertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.

**v. PERMOHONAN**

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Pencalonan Jawatan Pentadbir Akademik iCEPS serta dilampirkan bersama *Curriculum Vitae* (CV) ringkas dan lengkap yang terkini.

Tarikh tutup permohonan pada: **04 DISEMBER 2024**

Sila kemukakan permohonan kepada:-

**BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA  
INSTITUT PENDIDIKAN BERTERUSAN DAN PENGAJIAN PROFESIONAL (iCEPS)  
ARAS 1, UiTM - MTDC TECHNOPRENEUR CENTRE  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR**

**E-MEL:**

[zahira87@uitm.edu.my](mailto:zahira87@uitm.edu.my) / [azhar825@uitm.edu.my](mailto:azhar825@uitm.edu.my)

No.Tel: 03 5544 4960

Bil.Rujukan:500-iCEPS (19/2)

Bil. Iklan:14/2024

Tarikh: 19/11/2024